



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# “KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU  
2 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	2 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	2



# PERKESO kuat kuasa had siling gaji baharu

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menguatkuasakan had siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan, mulai semalam.

PERKESO dalam kenyataan semalam memaklumkan penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Mulai 1 Oktober, jumlah caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

“Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus,” menurut kenyataan itu.

Faedah itu termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencairan Ilat dan Penakat di bawah Akta 4, serta Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan dan Elaun Bekerja Semula Awal di bawah Akta 800.

Sehubungan itu, menurut PERKESO majikan hendaklah membuat bayaran caruman bermula 1 Oktober dan seterusnya mengikut pindaan had siling gaji baharu itu serta mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan.

BERNAMA



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akbar	Kosmo!
Tarikh	2 Oktober 2024
Ruang	Negara
Muka Surat	7

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**



GAMBAR fail pelajar-pelajar terlibat dalam sebuah pameran TVET yang melibatkan sekolah dan pusat pengajian yang terlibat.

## Modul khas agama akan dimasukkan di semua TVET Mara

**PETALING JAYA** — Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki mahu semua institusi Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Mara menekankan asas-asas fardu ain seperti tahniah solat.

Asyraf Wajdi berkata, beliau terkejut ada pelajar yang masuk GiatMara dan Institut Kemahiran Mara (IKM) apabila diuji syahadah dan solat masih tunggang-langgang.

“Dalam perbincangan saya dengan Bahagian Pendidikan Mara, memandangkan kerajaan telah mula mengarus-perdanaikan dasar TVET di mana Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) adalah setaraf dengan SPM, pelajar-pelajar yang tidak melalui

pendidikan arus perdana atau kumpulan drop-out atau yang tercicir hampir 100,000 pelajar yang diberi peluang menyambung pengajian di GiatMara um pamanya mesti dicanai juga aspek asas-asas agama.

“Ini kerana ada juga bila diuji, yang tidak fasih mengucap syahadah bahkan solat pun masih cacamarba.

“Justeru, saya telah meminta Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Mara untuk mewujudkan jawatankuasa menggubal modul khas agama bagi memantapkan dan memperkasakan asas-asas agama termasuk aqidah dan fardu ain,” katanya menerusi hantaran di Facebook.

Jelasnya, kemahiran asas se-

perti pengurusan jenazah juga turut dimasukkan sebagai kemahiran tambahan yang boleh menjadikan mereka bermanfaat dalam komuniti masyarakat di lokaliti masing-masing.

“Modul ini boleh dimasukkan dalam kurikulum TVET di semua institusi pendidikan Mara seperti GiatMara, Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Malaysians-Japanese Industrial Institute dan German Malaysia Institute.

“Mara mahu melahirkan generasi TVET yang holistik dan seimbang teradun dengan empat elemen RISE (Religion, Innovation, Skill and Entrepreneurship). Insya-Allah,” katanya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akbar	<b>Kosmo!</b>
Tarikh	<b>2 Oktober 2024</b>
Ruang	<b>Negara</b>
Muka Surat	<b>15</b>

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

Amaun caruman bagi pekerja bergaji lebih RM5,000

# Siling gaji baharu caruman Perkeso

**PETALING JAYA** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menguatkuasakan siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 bermula semalam.

Perkeso dalam kenyataan berkata, penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus.

“Faedah-faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800,” katanya.

Jelas Perkeso, mulai 1 Oktober, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana



**PERKESO menguatkuasakan siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 bermula semalam.**

yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

“Sehubungan itu, bayaran caruman bermula 1 Oktober 2024 dan seterusnya hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu.

“Majikan diminta untuk mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh Perkeso” katanya.

Sejak penubuhannya pada 1971 sehingga kini, sebanyak

enam kali peningkatan siling gaji telah dilaksanakan.

Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum Perkeso di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji itu yang merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

Langkah proaktif ini diambil selaras dengan kenaikan kos sara hidup dan kos menjalankan perniagaan yang perlu diimbangkan dengan pengagihan faedah serta risiko yang lebih adil kepada pencarum serta orang tanggungannya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	2 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	10



## PERKESO kuat kuasa had siling gaji baharu

**SHAH ALAM** - Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menguatkuaskan siling gaji baharu bagi maksud caruman mulai 1 Oktober 2024.

PERKESO dalam kenyataan berkata, penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang melibatkan peningkatan had siling gaji bagi maksud caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan.

Menurutnya, langkah meningkatkan siling gaji tersebut dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus.

"Faedah-faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen llat dan

Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800.

"Mulai 1 Oktober, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800," katanya pada Selasa.

Tambah kenyataan itu, bayaran caruman bermula 1 Oktober 2024 dan seterusnya hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu.

Ujarnya, majikan diminta untuk mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh PERKESO.

"Dianggarkan 1.5 juta pekerja tempatan dan asing atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji ini," katanya.

# Had siling gaji caruman Perkeso kini RM6,000, faedah lebih baik

**PETALING JAYA:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menguatkuasakan had siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan bermula semalam.

Menurut kenyataan dikeluaran Perkeso, semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan hendaklah didaftar dan dicarumkan kepada pertubuhan tertakluk kepada had siling berdasarkan gaji pekerja sebanyak RM6,000 sebulan bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Mulai 1 Oktober ini, amaan caruman yang akan terpakai bagi pekerja bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800

“Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia

ada sehingga 20.2 peratus,” kata kenyataan itu.

Faedah itu termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan dan Elaun Bekerja Semula Awal di bawah Akta 800.

“Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum di seluruh negara terbabit dalam peningkatan siling gaji ini yang merangkumi pekerja tempatan dan asing,” katanya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akbar	<b>Utusan Malaysia</b>
Tarikh	<b>2 Oktober 2024</b>
Ruang	<b>Utusan Pelajar</b>
Muka Surat	<b>28</b>

## MEMO LUAR PAGAR



### Lantikan wakil NGO dalam MTVET satu pengiktirafan

Oleh MOHD  
SHOUBLI JAMAL

**PERTUBUHAN**  
Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR) menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang juga Pengurus Majlis Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, kerana telah melantik wakil NGO daripada BELIA MAHIR, Mohammad Rizan Hassan, Setiausaha Agung BELIA MAHIR sebagai Ahli Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (MTVET).

Pelantikan beliau boleh disifatkan suatu pengiktirafan terhadap pandangan dari lapangan terhadap semua polisi dan inisiatif kerajaan yang sering dibawa oleh beliau dalam membantu kerajaan untuk mengarusperdalamkan TVET.

Berbekalkan pengalaman sebagai mantan kepimpinan belia peringkat kebangsaan dan pernah menerima anugerah Tokoh Belia Negara 2011 dan Tokoh Belia ASEAN 2011 serta kekal aktif menyantuni golongan belia tercibir dan berisiko, perlantikan ini pastinya akan memberikan inspirasi kepada generasi muda untuk memilih TVET sebagai kerjaya masa hadapan.

Selain itu, kami berpandangan NGO wajar dilihat sebagai salah satu pemain utama dalam menyokong pembangunan bakat TVET.

Organisasi memainkan peranan penting dalam bekerjasama dengan kerajaan untuk meningkatkan program TVET dan menyediakan individu dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk cemerlang dalam bidang pilihan Mereka.

Melalui pelbagai inisiatif dan projek, NGO memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara pendidikan dan pekerjaan, akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan dan kemampuan tenaga kerja mahir.

Peranan NGO dalam membangunkan bakat TVET dan membentuk masa depan tenaga kerja mahir adalah amat diperlukan. Melalui dedikasi, kepakaran dan pendekatan kolaboratif mereka, NGO memberi impak positif kepada individu yang ingin memperoleh kemahiran teknikal dan vokasional, akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi.

Semasa negara mengharungi kerumitan pasaran kerja moden, perkongsian antara NGO dan kerajaan kekal sebagai kunci untuk memacu inovasi, memupuk pembangunan bakat, dan mewujudkan peluang bagi individu untuk berkembang maju dalam profesi mahir.

MOHD SHOUBLI JAMAL  
Pemangku Presiden  
Pertubuhan Kebangsaan  
Pekerja Berkemahiran  
(BELIA MAHIR)



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Star
Tarikh	2 Oktober 2024
Ruang	Views
Muka Surat	17

THE  
**Star**  
*the people's paper*

## Beware the long arm of revised OSHA

DESPITE the enforcement of the amended Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514) since June 1, 2024, many companies, NGOs, volunteer organisations and religious institutions remain unaware of their obligations under this law.

The amended OSHA requires all workplaces with five or more employees to have a designated occupational safety and health coordinator (OSH-C) who must have undergone the mandatory three-day training programme.

One area of concern is the lack of awareness among religious institutions, residents associations (RAs) in gated communities, and other non-profit organisations. Many individuals in these sectors may not realise their potential liability under the Act as they are often volunteers.

A recent case involving the RA of a gated community highlights the risks of ignorance. The RA committee, which engaged numerous contractors and subcontractors, was unaware of their obligations.

Upon learning of the potential consequences, the RA president offered to resign immediately, stating that he did not want to take on unnecessary legal liability as a volunteer for fear of non-compliance with the Act.

This incident serves as an urgent call to action for unconsciously non-compliant workplaces, NGOs, volunteer organisations, and religious institutions to understand and comply with workplace safety regulations.

The potential legal liabilities are real, and ignorance is no excuse.

CHIN YEW SIN  
Shah Alam



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Sun
Tarikh	2 Oktober 2024
Ruang	National
Muka Surat	3

THE  
**Sun**

# Higher salary ceiling for Socso contributions

**KUALA LUMPUR:** The Human Resources Ministry, through the Social Security Organisation (Socso), is raising the salary ceiling for contributions from RM5,000 to RM6,000 per month, effective yesterday.

Socso said the change is in line with amendments to the Employee Social Security Act 1969 (Act 4) and the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800).

"The contribution applicable to employees earning between RM5,000 and RM6,000 per month will be specified in the Third Schedule of Act 4 and the Second Schedule of Act 800.

"This increase would provide better benefits for employees with salaries exceeding RM5,000 by raising the existing interest payment rate by up to 20.2%."

About 1.5 million workers would be affected by the increase. – Bernama